

5. SYARAT PERMOHONAN

- 5.1 Ketua Isi Rumah (KIR)/ Ahli Isi Rumah (AIR) mestilah berstatus **warganegara Malaysia** sahaja.
- 5.2 Kumpulan sasar PBBR adalah KIR/ AIR miskin tegar, miskin dan terkeluar yang ditentukan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa yang berkuat kuasa.
- 5.3 Bantuan diberikan kepada KIR/ AIR yang mempunyai rumah yang terlalu uzur atau rosak teruk disebabkan oleh bencana seperti kebakaran dan banjir, rumah yang tidak selamat untuk didiami dan tidak ekonomik untuk dibaiki.
- 5.4 Bantuan boleh dipertimbangkan juga kepada KIR/ AIR yang menumpang di rumah orang lain atau saudara mara dengan syarat ada tanah kosong lain untuk dibina rumah.
- 5.5 Memiliki tanah kosong atas nama sendiri untuk dibina rumah.
- 5.6 Jika tidak memiliki tanah sendiri, KIR/ AIR perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada tuan/ waris berkenaan untuk membina rumah atas tanah/ tapak yang dikenal pasti.
- 5.7 Kriteria syarat KIR/ AIR yang layak adalah seperti berikut:
 - a. disahkan sebagai miskin tegar, miskin dan terkeluar yang berdaftar dalam Bank Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih); atau
 - b. diperaku dan disahkan layak oleh Mesyuarat *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan Peringkat Daerah (FGD) atau Negeri (FGN) atau jawatankuasa yang setara dengannya di peringkat negeri; atau
 - c. diperaku oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan; atau
 - d. dipertimbangkan oleh jawatankuasa/ mesyuarat/ Pengurusan Tertinggi di peringkat Kementerian tertakluk kepada status kemiskinan dalam sistem e-Kasih.
- 5.8 KIR/ AIR yang telah menerima bantuan program ini melebihi tempoh 5 tahun, **layak untuk dipertimbangkan** namun keutamaan akan diberikan kepada KIR/ AIR yang belum pernah menerima bantuan ini.
- 5.9 Penggantian nama KIR/ AIR adalah dibenarkan tertakluk kepada pertimbangan/ kelulusan Pegawai Pengawal Kementerian.

5.10 Permohonan yang **TIDAK LAYAK** dipertimbangkan adalah:

- a. KIR/ AIR yang tidak disahkan dalam sistem eKasih atau disahkan dalam Mesyuarat *Focus Group* Daerah/ Negeri (jika permohonan daripada Agensi Pelaksana);
- b. Kerja-kerja menyiapkan rumah yang separuh siap/ terbengkalai, pembesaran dan pengubahsuaian bahagian dalam atau luar rumah sedia ada seperti membina bahagian luar rumah seperti pagar, garaj, longkang, jalan masuk, lampu, perigi dan lain-lain;
- c. KIR/ AIR yang mendiami rumah setinggan;
- d. KIR/ AIR yang mendiami rumah sewa;
- e. Rumah yang tidak diduduki/ ditinggalkan/ separuh siap/ kosong;
- f. KIR/ AIR telah menerima bantuan bina baru/ baik pulih rumah sama ada dari KPKT atau mana-mana Agensi Kerajaan lain kecuali yang terlibat dengan musibah; dan
- g. Permohonan yang tidak lengkap (tiada gambar kerosakan rumah, tiada salinan minit penuh MFG Daerah/ Negeri dan lain-lain).